



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62
No. 20

26hb September 2019

*TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN*

K. P.U. 12.

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELANTIKAN *HAKAM*

3. Kuasa Mahkamah
4. Pelantikan *Hakam*

Kaedah

5. Tatacara pelantikan *Hakam*
6. Pelantikan anggota Panel *Hakam*
7. Penamatan pelantikan anggota Panel *Hakam*
8. Kelayakan *Hakam*

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN ETIKA *HAKAM*

9. Fungsi *Hakam*
10. Tanggungjawab *Hakam*
11. Etika *Hakam*

BAHAGIAN IV

MAJLIS *TAHKIM*

12. Tempat Majlis *Tahkim*
13. Tatacara Majlis *Tahkim*
14. Penentuan jenis-jenis perceraian oleh *Hakam*
15. Keengganan suami atau isteri untuk hadir prosiding Majlis *Tahkim*
16. Laporan Majlis *Tahkim*
17. *Sighah talaq* dan *khul'*
18. Tempoh pelaksanaan Majlis *Tahkim*
19. Penamatan prosiding Majlis *Tahkim*
20. Keputusan Majlis *Tahkim*
21. Merekod lafaz *talaq* dan pendaftaran perceraian
22. Kehadiran Peguam Syarie dan pihak lain

BAHAGIAN V

JAWATANKUASA *HAKAM*

23. Penubuhan Jawatankuasa
24. Keanggotaan Jawatankuasa

Kaedah

25. Mesyuarat Jawatankuasa
26. Fungsi Jawatankuasa

BAHAGIAN VI

ADUAN DAN SIASATAN PANEL *HAKAM*

27. Kawalan Panel *Hakam*
28. Aduan terhadap Panel *Hakam*
29. Siasatan Jawatankuasa
30. Pembatalan pelantikan

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

31. Daftar Panel *Hakam*
32. Elaun *Hakam*
33. Perlindungan *Hakam*
34. Sekatan
35. Rujukan kepada Hukum Syarak

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 135(1) dan perenggan 135(3)(i) dan dibaca bersama seksyen 48 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, membuat Kaedah-Kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah *Hakam* (Kedah Darul Aman) 2018**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Daftar Panel *Hakam*” ertinya suatu daftar untuk menyimpan senarai anggota Panel *Hakam* seperti yang disebut dalam kaedah 31;

“darar syarie” ertinya bahaya, yang menyentuh seseorang mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, maruah atau harta benda mengikut kebiasaan yang diakui oleh Hukum Syarak;

“Enakmen Pentadbiran” ertinya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008;

“Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam” ertinya Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008;

“*Hakam*” ertinya penimbangtara yang dilantik dan diberi kuasa oleh pihak-pihak kepada perkahwinan atau Mahkamah bagi suami dan isteri masing-masing untuk menyelesaikan perkelahian (*shiqaq*) antara suami dan isteri;

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali;

“*iwadh*” ertinya apa-apa amaun bayaran atau nilai manfaat yang digunakan sebagai tebus *talaq* yang diberikan oleh isteri kepada suami bagi perceraian secara *khul'*;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa *Hakam* yang ditubuhkan di bawah kaedah 23;

“Ketua Pendaftar” ertinya seorang Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan *Ruju’* Orang Islam yang dilantik di bawah seksyen 28 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam;

“*khul’*” ertinya perceraian antara suami dan isteri dengan *’iwadh* dan tidak boleh *diruju’*;

“Mahkamah Syariah” atau “Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah subseksyen 3(1) atau 3(2) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran;

“Majlis *Tahkim*” ertinya sesi timbangtara antara suami dan isteri bersama dengan Hakam atau di antara *Hakam* bagi tujuan perdamaian atau perceraian dengan lafaz *talaq* atau *khul’*;

“Panel *Hakam*” ertinya *Hakam* yang dilantik oleh Majlis atas cadangan Jawatankuasa di bawah kaedah 6;

“Peguan Syarie” ertinya seseorang yang diterima sebagai Peguan Syarie di bawah seksyen 46 Enakmen Pentadbiran;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Kanan Nikah, Cerai dan *Ruju’* Orang Islam yang dilantik di bawah seksyen 28 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dan termasuk Pendaftar dan Penolong Pendaftar;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa *Hakam* di bawah perenggan 24(1)(a);

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Jawatankuasa *Hakam* di bawah subkaedah 24(5); dan

“*shiqaq*” ertinya perkelahian antara suami dan isteri yang berlarutan yang menjejaskan hubungan suami isteri.

BAHAGIAN II

PELANTIKAN *HAKAM*

Kuasa Mahkamah

3. (1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat *shiqaq* antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan, Mahkamah hendaklah, mensabitkan *shiqaq* antara suami dan isteri dan Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin, mengarahkan suami dan isteri untuk melantik *Hakam* di kalangan saudara terdekat masing-masing.

(2) Jika suami atau isteri atau kedua-duanya gagal melantik *Hakam*, Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin melantik seorang *Hakam* daripada anggota Panel *Hakam* atau mana-mana orang di bawah perenggan 4(1)(b) atau (c) untuk bertindak sebagai *Hakam* bagi pihak suami atau isteri masing-masing.

(3) Mahkamah hendaklah mensabitkan terdapat *shiqaq* dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) perkelahian yang sentiasa berlaku antara suami dan isteri itu disebabkan alasan berikut:
 - (i) *nusyuz* isteri;
 - (ii) kezaliman suami;
 - (iii) ketidaktentuan siapa yang benar antara kedua-duanya; atau
 - (iv) salah satu pihak atau kedua-dua pihak berdusta atau menuntut apa-apa yang bukan hak pihak tersebut,
- (b) perkelahian yang sentiasa berlaku antara suami dan isteri yang membawa kepada kesukaran untuk menjalankan tanggungjawab sebagai suami dan isteri dan saling tuduh-menuduh tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai suami dan isteri;
- (c) suami dan isteri saling tuduh-menuduh bahawa setiap daripada mereka mempunyai hubungan yang melampaui Hukum Syarak dengan perempuan atau lelaki lain;
- (d) perkelahian yang sentiasa berlaku yang menyebabkan pukul-memukul antara suami dan isteri;
- (e) salah satu pihak meninggalkan rumah kediaman dan tinggal berasingan dan tiada sebab boleh dibuktikan oleh kedua-dua pihak di hadapan Mahkamah;
- (f) suami dan isteri saling tuduh-menuduh yang berhubungan dengan tanggungjawab terhadap anak-anak yang menyebabkan perkelahian yang sentiasa berlaku; atau
- (g) apa-apa tindakan yang menyebabkan *darar syarie* kepada suami atau isteri.

Pelantikan *Hakam*

4. (1) Mana-mana orang yang boleh dilantik sebagai *Hakam*:

- (a) saudara terdekat suami dan isteri yang berkelayakan di bawah subkaedah 8(1) dan (2);

- (b) anggota Panel *Hakam* yang dilantik di bawah kaedah 6; atau
- (c) mana-mana Pegawai Syariah atau Pegawai Hal Ehwal Islam dalam perkhidmatan awam Negeri atau mana-mana pegawai Majlis yang mempunyai kepakaran dalam hal ehwal kekeluargaan Islam dan Hukum Syarak.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(a), ungkapan “saudara terdekat” ertinya mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan pihak-pihak sama ada secara pertalian nasab, perkahwinan atau susuan yang mempunyai pengetahuan bagi hal keadaan kes itu.

Tatacara pelantikan *Hakam*

5. (1) Bagi maksud subkaedah 3(1), Mahkamah hendaklah mengarahkan suami dan isteri untuk melantik seorang *Hakam* di kalangan saudara terdekat suami dan isteri seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4(1)(a) untuk bertindak bagi pihak masing-masing dalam tempoh empat belas hari dari tarikh perintah *shiqaq* diputuskan oleh Mahkamah.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Pertama.

(3) Selepas pelantikan *Hakam* oleh suami dan isteri di bawah subkaedah 3(1), Mahkamah hendaklah merekodkan dan mengisytiharkan pelantikan itu melalui suatu perintah.

(4) Bagi maksud subkaedah 3(2), Mahkamah hendaklah melantik seorang *Hakam* seperti yang disebut dalam perenggan 4(1)(b) atau (c) dengan menggunakan Borang 2 atau Borang 3 Jadual Pertama mengikut mana-mana yang sesuai.

Pelantikan anggota Panel *Hakam*

6. (1) Tertakluk kepada kelayakan di bawah subkaedah 8(3), Majlis boleh, atas cadangan Jawatankuasa, melantik mana-mana orang sebagai anggota Panel *Hakam*.

(2) Mana-mana orang yang dilantik sebagai anggota Panel *Hakam* hendaklah didaftarkan dalam Daftar Panel *Hakam* di bawah kaedah 31.

Penamatan pelantikan anggota Panel *Hakam*

7. Pelantikan seseorang anggota Panel *Hakam* hendaklah tamat dan dikeluarkan daripada Daftar Panel *Hakam* apabila dia—

- (a) meninggal dunia;
- (b) meletakkan jawatan menerusi surat yang dialamatkan kepada Majlis, melalui Pengerusi; atau
- (c) hilang upaya untuk melaksanakan tugasnya sebagai seorang *Hakam*.

Kelayakan *Hakam*

8. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), mana-mana saudara terdekat suami dan isteri layak untuk dilantik sebagai *Hakam* jika seseorang itu—

- (a) beragama Islam;
- (b) berakal dan *baligh* (*mukallaf*);
- (c) adil dan amanah; dan
- (d) berpengetahuan dalam hal ehwal kekeluargaan Islam dan Hukum Syarak.

(2) Mana-mana Peguam Syarie yang mewakili suami atau isteri dalam mana-mana prosiding lain di Mahkamah tidak boleh dilantik sebagai *Hakam* bagi suami atau isteri itu kecuali diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.

(3) Mana-mana orang yang dilantik dan didaftarkan sebagai anggota Panel *Hakam* hendaklah memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) beragama Islam;
- (b) warganegara Malaysia;
- (c) lelaki;
- (d) berakal dan *baligh* (*mukallaf*);
- (e) adil dan amanah;
- (f) memiliki kelakuan yang baik dan tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah sama ada di Malaysia atau di mana-mana tempat yang lain;
- (g) kompeten dalam hal ehwal kekeluargaan Islam dan Hukum Syarak;
- (h) tidak bankrap; dan
- (i) lulus apa-apa proses penilaian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN ETIKA *HAKAM***Fungsi *Hakam***

9. *Hakam* hendaklah berusaha menamatkan *shiqaq* antara suami dan isteri dengan cara penyelesaian sama ada mendamaikan atau memisahkan kedua-dua pihak dengan lafaz *talaq* atau *khul'*.

Tanggungjawab *Hakam*

10. (1) Semasa menjalankan Majlis *Tahkim*, *Hakam* hendaklah—

- (a) menerima dan melaksanakan arahan Mahkamah dari semasa ke semasa; dan
- (b) menjelaskan peraturan umum yang perlu dipatuhi oleh semua pihak sepanjang Majlis *Tahkim*.

Etika *Hakam*

11. (1) *Hakam* hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan Majlis *Tahkim* dan tidak melengah-lengahkan tanpa alasan yang munasabah serta mematuhi tatacara dan tempoh perjalanan Majlis *Tahkim*.

(2) *Hakam* hendaklah dalam menjalankan tugasnya, melaksanakan keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak.

(3) *Hakam* yang mengendalikan Majlis *Tahkim* hendaklah—

- (a) tidak mengendalikan Majlis *Tahkim* apabila dia berada dalam keadaan tidak tenang, marah, lapar, haus, mengantuk, letih atau tidak sihat;
- (b) tidak boleh meninggalkan Majlis *Tahkim* tanpa alasan yang munasabah;
- (c) bertindak tegas, adil dan tidak dipengaruhi oleh keadaan atau orang yang hadir di hadapannya;
- (d) bersifat terbuka, mesra dan sabar semasa mengendalikan Majlis *Tahkim*;
- (e) menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara sukarela;
- (f) merahsiakan segala perkara yang didedahkan dalam Majlis *Tahkim* kecuali apabila diarahkan oleh Mahkamah yang membicarakan kes tersebut; dan
- (g) mengelakkan berlaku konflik kepentingan;

(4) *Hakam* tidak boleh—

- (a) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa dia telah—
 - (i) membiarkan kepentingan persendiriannya bercanggah dengan tugasnya sebagai *Hakam*; atau
 - (ii) menggunakan kedudukannya bagi faedahnya sendiri;

- (b) berkelakuan dengan cara yang tidak jujur atau dengan sedemikian cara hingga memburukkan atau mencemarkan nama Mahkamah dan menjejaskan Majlis *Tahkim* yang dikendalikannya;
- (c) membelakangkan tugas dan tanggungjawab demi kepentingan dirinya;
- (d) menerima permohonan menjadi saksi atau penasihat kepada pihak-pihak dalam Majlis *Tahkim* yang pernah dikendalikannya, melainkan diperintah sebaliknya oleh Mahkamah; dan
- (e) melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menimbulkan syak tentang keupayaannya untuk berlaku adil dalam menjalankan tugas.

BAHAGIAN IV

MAJLIS *TAHKIM*

Tempat Majlis *Tahkim*

12. Majlis *Tahkim* boleh dijalankan di Mahkamah atau di tempat lain yang ditentukan oleh *Hakam* sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

Tatacara Majlis *Tahkim*

13. (1) Prosiding Majlis *Tahkim* hendaklah bermula selepas pelantikan *Hakam*.

(2) Sebelum sesuatu prosiding Majlis *Tahkim* bermula—

- (a) Mahkamah boleh memberi arahan mengenai tatacara perjalanan Majlis *Tahkim* kepada *Hakam* dan *Hakam* hendaklah mematuhi arahan itu dan Hukum Syarak; dan
- (b) tertakluk kepada subkaedah (3), *Hakam* hendaklah berusaha untuk mendapatkan kuasa penuh daripada suami isteri yang diwakilinya dengan menggunakan Borang 4 atau Borang 5 Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang sesuai.

(3) Kuasa penuh daripada suami isteri kepada *Hakam* masing-masing adalah seperti yang berikut:

- (a) bagi suami, dia boleh membenarkan *Hakamnya* untuk melafazkan satu *talak* atau *khul'* di hadapan Mahkamah; dan
- (b) bagi isteri, dia boleh membenarkan *Hakamnya* menerima lafaz *khul'* di hadapan Mahkamah.

(4) Jika—

- (a) *Hakam* berpendapat bahawa pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian oleh sebab *Hakam* tidak mendapat kuasa penuh daripada suami isteri atau sesuatu sebab yang lain;

- (b) *Hakam* tidak mencapai persetujuan dalam mana-mana peringkat Majlis *Tahkim*;
- (c) Mahkamah tidak berpuas hati dengan cara *Hakam* menjalankan Majlis *Tahkim*; atau
- (d) mana-mana *Hakam* menarik diri atau enggan meneruskan tugasnya sebagai *Hakam*,

Mahkamah boleh memecat dan membatalkan pelantikan *Hakam* dengan menggunakan Borang 6 Jadual Pertama dan Mahkamah hendaklah melantik *Hakam* lain dari kalangan anggota Panel *Hakam* atau mana-mana orang yang disebut dalam perenggan 4(1)(b) atau (c) dan memberikan kuasa penuh kepada *Hakam* tersebut dengan menggunakan Borang 7 atau Borang 8 Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang sesuai.

Penentuan jenis-jenis perceraian oleh *Hakam*

14. (1) Dalam melaksanakan Majlis *Tahkim* di bawah Kaedah-Kaedah ini, jika kedua-dua *Hakam* berpuas hati bahawa perdamaian gagal dicapai oleh suami isteri, kedua-dua *Hakam* hendaklah menentukan sama ada suami atau isteri atau kedua-duanya yang menjadi punca wujudnya *shiqaq*.

(2) Jika punca *shiqaq* itu—

- (a) disebabkan oleh suami atau oleh kedua-dua suami isteri, *Hakam* hendaklah mencadangkan perceraian secara lafaz *talaq*;
- (b) disebabkan oleh isteri, *Hakam* hendaklah mencadangkan perceraian secara *khul'* dan kadar '*iwadh* hendaklah diputuskan oleh *Hakam*;
- (c) tidak dapat ditentukan sebabnya dan tuntutan bagi perceraian dibuat oleh suami, *Hakam* hendaklah mencadangkan perceraian secara lafaz *talaq*; atau
- (d) tidak dapat ditentukan sebabnya dan tuntutan bagi perceraian dibuat oleh isteri, *Hakam* hendaklah mencadangkan perceraian secara *khul'* dan kadar '*iwadh* hendaklah diputuskan oleh *Hakam*.

Keengganan suami atau isteri untuk hadir prosiding Majlis *Tahkim*

15. Jika suami atau isteri atau kedua-dua pihak enggan hadir dalam mana-mana prosiding Majlis *Tahkim*, ketidakhadiran tersebut tidak boleh menamatkan prosiding itu dan *Hakam* boleh membuat keputusannya.

Laporan Majlis *Tahkim*

16. *Hakam* hendaklah menyediakan laporan dengan menggunakan Borang 9 Jadual Pertama pada akhir prosiding Majlis *Tahkim* dan laporan itu hendaklah dikemukakan di hadapan Mahkamah.

Sighah talaq dan khul'

17. (1) Jika *Hakam* dalam *Majlis Tahkim* memutuskan bahawa perkahwinan itu sepatutnya dibubarkan, *talaq* hendaklah dilafazkan oleh *Hakam* suami di hadapan dan dengan kebenaran Mahkamah seperti dalam Jadual Kedua.

(2) Jika *Hakam* dalam *Majlis Tahkim* memutuskan bahawa perkahwinan itu sepatutnya dibubarkan secara *khul'* dan '*iwadh* telah diberikan oleh isteri dalam *Majlis Tahkim*, *khul'* hendaklah dilafazkan di hadapan dan dengan kebenaran Mahkamah.

(3) Lafaz *ijab* dan *qabul* bagi *khul'* adalah sebagaimana dalam Jadual Kedua.

(4) Lafaz *talaq* oleh *Hakam* adalah *talaq ba-in sughra*.

Tempoh pelaksanaan *Majlis Tahkim*

18. (1) Tempoh bagi pelaksanaan *Majlis Tahkim* hendaklah tidak melebihi tiga puluh hari dari tarikh perintah pelantikan dan perisytiharan *Hakam* yang diperintahkan oleh Mahkamah.

(2) Mahkamah boleh melanjutkan tempoh pelaksanaan *Majlis Tahkim* jika difikirkannya patut tetapi pelanjutan masa tersebut hendaklah tidak melebihi tempoh enam puluh hari daripada tarikh pelanjutan diperintahkan.

Penamatan prosiding *Majlis Tahkim*

19. (1) Mana-mana prosiding *Majlis Tahkim* hendaklah terhenti, jika—

(a) suami atau isteri telah meninggal dunia;

(b) suami atau isteri menjadi tidak sempurna akal;

(c) *Hakam* menarik diri sebagai *Hakam* dengan menggunakan Borang 10 Jadual Pertama; atau

(d) wujud sebab lain yang diiktiraf oleh Hukum Syarak.

Keputusan *Majlis Tahkim*

20. Perceraian yang diputuskan dalam *Majlis Tahkim* adalah muktamad dan rayuan tidak dibenarkan.

Merekod lafaz *talaq* dan pendaftaran perceraian

21. Mahkamah setelah membenarkan satu *talaq* dilafazkan di hadapannya hendaklah merekodkan lafaz satu *talaq* itu, dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Kehadiran Peguam Syarie dan pihak lain

22. Melainkan jika dia adalah anggota keluarga terdekat suami atau isteri itu, maka tiada Peguam Syarie atau pihak lain boleh dibenarkan hadir atau mewakili suami atau isteri itu di hadapan *Hakam*.

BAHAGIAN V**JAWATANKUASA HAKAM****Penubuhan Jawatankuasa**

23. Majlis hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali Jawatankuasa *Hakam*.

Keanggotaan Jawatankuasa

24. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada—

- (a) Ketua Hakim Syarie sebagai Pengerusi;
- (b) seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;
- (d) seorang wakil Majlis;
- (e) seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah;
- (f) Ketua Pendaftar, Nikah, Cerai dan *Ruju'* atau wakilnya; dan
- (g) tiga orang yang pakar dalam Hukum Syarak yang dilantik oleh Majlis.

(2) Anggota Jawatankuasa di bawah perenggan (1)(b) dan (e) hendaklah dilantik oleh Ketua Hakim Syarie.

(3) Anggota yang dilantik di bawah perenggan 1(g) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(4) Semua anggota Jawatankuasa yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah beragama Islam.

(5) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

Mesyuarat Jawatankuasa

25. (1) Pengerusi Jawatankuasa hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa dan jika Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(2) Lima orang anggota Jawatankuasa hendaklah membentuk kuorum mesyuarat.

(3) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara *musyawarah* dan hendaklah secara sebulat suara atau mengikut majoriti ahli yang hadir.

(4) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, Jawatankuasa boleh menetapkan tatacaranya sendiri.

Fungsi Jawatankuasa

26. Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) mencadangkan kepada Majlis pelantikan mana-mana orang yang berkelayakan sebagai anggota Panel *Hakam*;
- (b) menyediakan dan menyenggara Daftar Panel *Hakam*;
- (c) menyiasat apa-apa aduan terhadap mana-mana anggota Panel *Hakam*;
- (d) menentukan jenis latihan yang perlu bagi anggota Panel *Hakam*; dan
- (e) melaksanakan apa-apa perkara lain yang difikirkan patut dan perlu dari semasa ke semasa bagi maksud melaksanakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN VI

ADUAN DAN SIASATAN PANEL *HAKAM*

Kawalan Panel *Hakam*

27. Jawatankuasa hendaklah mempunyai kawalan terhadap Panel *Hakam* yang dilantik di bawah kaedah 6.

Aduan terhadap Panel *Hakam*

28. (1) Apa-apa aduan terhadap kelakuan mana-mana anggota Panel *Hakam* hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengerusi.

(2) Mahkamah boleh, pada bila-bila masa merujuk kepada Pengerusi, apa-apa maklumat yang berhubungan dengan kelakuan mana-mana anggota Panel *Hakam*.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini boleh dianggap untuk menghalang Jawatankuasa, atas usulnya sendiri, untuk membuat apa-apa aduan yang berhubungan dengan kelakuan mana-mana anggota Panel *Hakam* untuk disiasat.

Siasatan Jawatankuasa

29. (1) Apabila menerima sesuatu aduan, Pengerusi hendaklah mengarahkan Setiausaha untuk—

- (a) memastikan penyampaian kepada anggota Panel *Hakam* yang berkenaan dibuat secara penyampaian ke diri—
 - (i) sesalinan aduan itu; dan
 - (ii) suatu notis meminta anggota Panel *Hakam* yang berkenaan, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan, untuk memberi suatu penjelasan bertulis kepada Jawatankuasa; dan
- (b) memaklumkan kepada Jawatankuasa status aduan itu setelah tempoh empat belas hari tamat.

(2) Apabila menerima apa-apa aduan terhadap mana-mana anggota Panel *Hakam* dan penjelasan bertulis, jika ada, di bawah subperenggan 29(1)(a)(ii), jika ada, Jawatankuasa hendaklah menyiasat aduan itu.

(3) Jika aduan itu—

- (a) mempunyai alasan yang sah, Jawatankuasa hendaklah membuat cadangan bagi pembatalan pelantikan Panel *Hakam* berkenaan kepada Majlis seperti di bawah kaedah 30; atau
- (b) tidak berasas, Jawatankuasa boleh menolak aduan itu.

Pembatalan pelantikan

30. (1) Majlis atas cadangan Jawatankuasa boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Panel *Hakam* dan mengeluarkan nama *Hakam* yang berkenaan daripada Daftar Panel *Hakam* di bawah kaedah 31 jika—

- (a) kelakuan anggota Panel *Hakam* itu, sama ada yang berhubungan dengan tugasnya sebagai anggota atau selainnya, memburukkan atau mencemarkan nama Majlis atau Mahkamah;
- (b) dia telah menjadi tidak berupaya untuk menjalankan tugasnya sebagai Panel *Hakam*;
- (c) pada pendapat Jawatankuasa, *Hakam* itu telah gagal untuk menghadiri tiga Majlis *Tahkim* yang dijadualkan secara berturut-turut tanpa apa-apa alasan yang munasabah;
- (d) dia telah bertindak bertentangan dengan Etika *Hakam* di bawah kaedah 11;

- (e) dia telah diisytiharkan bankrap; atau
- (f) Majlis bersetuju dengan cadangan Jawatankuasa di bawah perenggan 29(3)(a).

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Daftar Panel *Hakam*

31. Setiausaha hendaklah menyenggara suatu rekod pendaftaran anggota Panel *Hakam* yang telah dilantik oleh Majlis dalam Daftar Panel *Hakam*.

Elaun *Hakam*

32. Majlis boleh membayar elaun kepada Panel *Hakam* atau mana-mana orang yang dilantik sebagai *Hakam* di bawah perenggan 4(1)(b) atau (c) mengikut kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Perlindungan *Hakam*

33. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil terhadap seseorang *Hakam* dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Sekatan

34. Mana-mana Peguam Syarie yang telah bertindak sebagai *Hakam* bagi pihak suami atau isteri dalam Majlis *Tahkim*, tidak boleh mewakili pihak suami atau isteri itu dalam kes lain yang berhubungan dengannya di mana-mana Mahkamah.

Rujukan kepada Hukum Syarak

35. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran mana-mana peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak adalah terbatal setakat yang ia berlawanan.

(2) Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Majlis *Tahkim* dan *Hakam* tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Kaedah-Kaedah ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak.

JADUAL PERTAMA

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

BORANG 1

(Subkaedah 5(2))

WAKALAH DAN PENERIMAAN *HAKAM**(Tajuk Am)*

Saya, (Nama suami/isteri), No. Kad Pengenalan dengan ini melantik dan mewakilkan kepada (Nama *Hakam*), No. Kad Pengenalan sebagai *Hakam* untuk bertindak bagi pihak saya dalam Saman No. di Mahkamah mulai tarikh hingga dibatalkan oleh saya atau Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Suami/Isteri

Saya (Nama *Hakam*) dengan ini menerima pelantikan yang tersebut di atas.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Hakam

Di hadapan saya,

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

BORANG 2

(Subkaedah 5(4))

PELANTIKAN *HAKAM* SUAMI OLEH MAHKAMAH

(*Tajuk Am*)

Ambil perhatian bahawa, Mahkamah dengan ini melantik
(Nama *Hakam*), No. Kad Pengenalan sebagai *Hakam* bagi
pihak suami (Nama suami), No. Kad Pengenalan
..... dalam Saman No. di Mahkamah
..... mulai tarikh hingga dibatalkan
oleh Mahkamah kemudiannya.

Bertarikh pada haribulan 20

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

BORANG 3

(Subkaedah 5(4))

PELANTIKAN *HAKAM* ISTERI OLEH MAHKAMAH

(*Tajuk Am*)

Ambil perhatian bahawa, Mahkamah dengan ini melantik
(Nama *Hakam*), No. Kad Pengenalan sebagai *Hakam* bagi
pihak isteri (Nama isteri), No. Kad Pengenalan
..... dalam Saman No. di Mahkamah
..... mulai tarikh hingga dibatalkan
oleh Mahkamah kemudiannya.

Bertarikh pada haribulan 20

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

BORANG 4

(Perenggan 13(2)(b))

NOTIS PEWAKILAN KUASA PENUH OLEH SUAMI

(*Tajuk Am*)

Saya (Nama suami),
No. Kad Pengenalan dengan ini mewakilkan dengan
kuasa penuh kepada (Nama *Hakam*), No. Kad Pengenalan
..... sebagai *Hakam* untuk bertindak bagi pihak saya
dalam Saman No. untuk melafazkan *talaq* satu atau *khul'*
terhadap isteri saya (Nama isteri),
No. Kad Pengenalan di hadapan Mahkamah
..... mulai tarikh
hingga dibatalkan oleh saya atau Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Suami

Saya (Nama *Hakam*) dengan ini
menerima perwakilan kuasa penuh oleh suami yang tersebut.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Hakam

Di hadapan saya,

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

BORANG 5

(Perenggan 13(2)(b))

NOTIS PEWAKILAN KUASA PENUH OLEH ISTERI

(*Tajuk Am*)

Saya (Nama isteri),
No. Kad Pengenalan dengan ini mewakilkan dengan
kuasa penuh kepada (Nama *Hakam*), No. Kad Pengenalan
..... sebagai *Hakam* untuk bertindak bagi pihak saya
dalam Saman No. untuk menerima lafaz *khul'* daripada
Hakam suami saya (Nama suami),
No. Kad Pengenalan di hadapan Mahkamah
..... mulai tarikh
hingga dibatalkan oleh saya atau Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Isteri

Saya (Nama *Hakam*) dengan ini
menerima perwakilan kuasa penuh oleh isteri yang tersebut.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Hakam

Di hadapan saya,

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

BORANG 6

(Subkaedah 13(4))

NOTIS PEMBATALAN *HAKAM*

(*Tajuk Am*)

Ambil perhatian bahawa Mahkamah dengan ini memecat dan membatalkan pelantikan *Hakam* seperti yang berikut:

- (1) *Hakam* bagi suami
(Nama, No. Kad Pengenalan)
- (2) *Hakam* bagi isteri
(Nama, No. Kad Pengenalan)

Bertarikh pada haribulan 20

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

BORANG 7

(Subkaedah 13(4))

PELANTIKAN *HAKAM* SUAMI OLEH
MAHKAMAH DENGAN KUASA PENUH

(*Tajuk Am*)

Ambil perhatian bahawa Mahkamah dengan ini melantik
(Nama *Hakam*), No. Kad Pengenalan sebagai *Hakam*
bagi pihak suami (Nama suami), No.
Kad Pengenalan dalam Saman No. di
Mahkamah mulai tarikh
hingga dibatalkan oleh Mahkamah kemudiannya dengan kuasa penuh untuk
mendamaikan dan melafazkan *talaq* satu atau *khul'* di hadapan Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan 20

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

BORANG 8

(Subkaedah 13(4))

PELANTIKAN *HAKAM* ISTERI OLEH
MAHKAMAH DENGAN KUASA PENUH

(*Tajuk Am*)

Ambil perhatian bahawa Mahkamah dengan ini melantik
(Nama *Hakam*), No. Kad Pengenalan sebagai *Hakam*
bagi pihak isteri (Nama isteri), No. Kad
Pengenalan dalam Saman No. di Mahkamah
..... mulai tarikh hingga dibatalkan
oleh Mahkamah kemudiannya dengan kuasa penuh untuk mendamaikan dan
menerima lafaz *khul'* di hadapan Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan 20

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

BORANG 9

(Kaedah 16)

LAPORAN MAJLIS *TAHKIM*

(*Tajuk Am*)

No Kes:

Tarikh:

Nama Plaintiff:

Nama *Hakam*:

.....

.....

No. K/P:

No. K/P:

.....

.....

Nama Defendan:

Nama *Hakam*:

.....

.....

No. K/P:

No. K/P:

.....

.....

LAPORAN

.....
.....
.....

MASALAH

.....
.....
.....

CADANGAN

.....
.....
.....

KEPUTUSAN

.....
.....
.....

(1) *Hakam* bagi suami
(Nama, No. Kad Pengenalan)

(2) *Hakam* bagi isteri
(Nama, No. Kad Pengenalan)

Bertarikh pada haribulan 20

(Meterai)

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

BORANG 10

(Perenggan 19(1)(c))

NOTIS PENARIKAN DIRI *HAKAM*

(*Tajuk Am*)

Kepada Hakim,

Ambil perhatian bahawa saya (Nama *Hakam*)
No. Kad Pengenalan dengan ini menarik diri dan terhenti
menjadi *Hakam* yang mewakili bagi pihak *suami/isteri
(Nama suami/isteri) No. Kad Pengenalan yang tersebut
dalam prosiding yang tersebut di atas, berkuat kuasa pada tarikh notis ini.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Hakam

Di hadapan saya,

(Meterai)

.....
Hakim

* Potong jika tidak berkenaan

JADUAL KEDUA

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

(Kaedah 17)

SIGHAH TALAQ DAN *KHUL'*

- (1) *Sighah talaq* bagi *Hakam* yang mendapat kuasa penuh daripada suami dan isteri.

Lafaz oleh *Hakam* suami:

“Saya dengan kuasa yang diberikan oleh
(Nama suami), menceraikan (Nama isteri)
dengan *talaq* satu”.

- (2) *Sighah talaq* bagi *Hakam* yang diberi kuasa penuh oleh Mahkamah.

Lafaz *Hakam* suami:

“Saya dengan kuasa penuh yang diberi oleh Mahkamah, bagi pihak
suami (Nama suami), menceraikan
..... (Nama isteri) dengan *talaq* satu”.

- (3) *Sighah khul'* bagi *Hakam* yang mendapat kuasa penuh daripada suami dan isteri.

(a) Lafaz Ijab oleh *Hakam* suami:

“Saya dengan kuasa yang diberi oleh
(Nama suami), menceraikan secara *khul'*
(Nama isteri) sebanyak Ringgit Malaysia (jumlah)
atau (harta lain atau manfaat yang bernilai)
yang tersebut”.

(b) Lafaz qabul oleh *Hakam* isteri:

“Saya terima *khul'* bagi pihak
(Nama isteri) atas persetujuannya sebanyak Ringgit Malaysia
..... (jumlah) atau (harta
lain atau manfaat yang bernilai) yang tersebut”.

(4) *Sighah khul'* bagi *Hakam* yang diberi kuasa penuh oleh Mahkamah.

(a) Lafaz *Hakam* suami:

“Saya dengan kuasa penuh yang diberi oleh Mahkamah, bagi pihak (Nama suami) menceraikan secara *khul'* (Nama isteri) sebanyak Ringgit Malaysia (jumlah) atau (harta lain atau manfaat yang bernilai) yang tersebut”.

(b) Lafaz *Hakam* bagi pihak isteri:

“Saya sebagai *Hakam* bagi pihak (Nama isteri), menerima *khul'* sebanyak Ringgit Malaysia (jumlah) atau (harta lain atau manfaat yang bernilai) yang tersebut”.

JADUAL KETIGA

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (KEDAH DARUL AMAN) 2008

KAEDAH-KAEDAH *HAKAM* (KEDAH DARUL AMAN) 2018

(Kaedah 32)

ELAUN

Bil.	Butiran	Elaun (RM)
1.	Elaun pelantikan sebagai <i>Hakam</i> bagi setiap kes	200.00
2.	Elaun kehadiran dan penjalanan setiap Majlis <i>Tahkim</i> (<i>Pembayaran terhad untuk tiga kali Majlis Tahkim sahaja</i>)	150.00

Tarikh 28 Ogos 2019

[JKSNK. 600-1/1/5 (13); PUN(KD) 600-1/5/1]

Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri
Kedah Darul Aman

ISLAMIC FAMILY LAW (KEDAH DARUL AMAN)
ENACTMENT 2008

HAKAM (KEDAH DARUL AMAN) RULES 2018

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

APPOINTMENT OF *HAKAM*

3. Power of the Court
4. Appointment of *Hakam*
5. Procedure on appointment of *Hakam*
6. Appointment of the member of Panel *Hakam*
7. Termination of appointment as member of Panel *Hakam*
8. Qualifications of *Hakam*

PART III

FUNCTIONS AND ETHICS OF *HAKAM*

9. Functions of *Hakam*
10. Responsibilities of *Hakam*
11. Ethics of *Hakam*

PART IV

MAJLIS TAHKIM

12. Venue of *Majlis Tahkim*
13. Procedure of *Majlis Tahkim*

Rule

14. Determination on types of divorce by *Hakam*
15. Refusal of husband or wife to attend proceeding on *Majlis Tahkim*
16. Report of *Majlis Tahkim*
17. *Sighah talaq* and *khul'*
18. Duration of *Majlis Tahkim*
19. Cessation of proceeding *Majlis Tahkim*
20. Decision of *Majlis Tahkim*
21. Recording of pronouncement of *talaq* and registration of divorce
22. Attendance of *Peguam Syarie* and other parties

PART V

HAKAM COMMITTEE

23. Establishment of Committee
24. Membership of Committee
25. Meetings of Committee
